

**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BILANGAN : IKLAN 35/2018**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG **PERATURAN 38(b)**

Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di kementerian / jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan sahaja.

PEGAWAI PELAJARAN KANAN (G.15)

**JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat **di Kementerian Pendidikan**.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



Senarai semak sebelum memohon jawatan kosong dalam Bahagian II

Sila pastikan maklumat-maklumat berikut hendaklah **lengkap dan di muat naik** ke dalam Profil awda sebelum menekan butang '**Apply**';



Kad pengenalan dan Lesen Memandu (Jika berkenaan).

| | From (Years) | To (Years) | Date of Certificate | Upload File |
|--|--------------|------------|---------------------|------------------------------------|
| | 2016 | 2016 | 25/8/2016 | Kad Pengenalan.pdf |
| | 2016 | 2016 | 25/8/2016 | Lesen Memandu.pdf |



SIJIL Degree (Ijazah Sarjana Muda) serta **KELULUSAN TRANSKRIP** yang dikehendaki oleh Skim Iklan dan **PENGESAHAN PENGITRAFAN KELULUSAN** (MKPK) bagi kelulusan Institusi Pengajian Swasta dan Institusi dari luar negeri

| | From (Years) | To (Years) | Date of Certificate | Upload File |
|--|--------------|------------|---------------------|----------------------------|
| | 2016 | 2016 | 25/8/2016 | PHD.pdf |
| | 2016 | 2016 | 25/8/2016 | MASTER.pdf |
| | 2016 | 2016 | 25/8/2016 | DEGREE.pdf |
| | 2016 | 2016 | 25/8/2016 | HND.pdf |
| | 2016 | 2016 | 25/8/2016 | HNC.pdf |
| | 2016 | 2016 | 25/8/2016 | ND.pdf |

Hendaklah ada maklumat bidang kelulusan ("field") seperti contoh Business Administration di ruangan yang tersembunyi dengan menekan tanda "+" di sebelah kiri diruangan Bachelor of Arts. jika sekiranya belum diisikan maklumat bidang ("field"), sila tekan tanda "+add"/"tambah" dibawah kelulusan tersebut dan seterusnya menaip bidang awda seperti contoh Business Administration, Employment Relation dan sebagainya.

| | | Title of Examination | University/College | Result of Examination | Upload File |
|-------------------------|--|----------------------|------------------------------|-----------------------|----------------------------|
| | | BACHELOR OF ARTS | Universiti Brunei Darussalam | PASS | DEGREE.pdf |
| Field | | | | | |
| BUSINESS ADMINISTRATION | | | | | |
| + Add | | | | | |



Bagi pemohon yang memenuhi syarat pengalaman sahaja, memastikan mempunyai pengalaman sepermulaan kehendak skim dan seterusnya memastikan **SIJIL Kelulusan Tertinggi** yang diperolehi berserta **KELULUSAN TRANSCRIPT** (jika berkenaan) dan **PENGESAHAN PENGITIRAFAN** kelulusan (MKPK) bagi kelulusan Institusi Pengajian Swasta dan Institusi dari luar negeri.



Bagi pemohon yang sedang berkhidmat dengan kerajaan pastikan di dalam profil awda terdapat ruangan "*Current Government Employee*"/"Warga Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam". Jika sekiranya tidak ada, pemohon hendaklah memaklumkan kepada POC (Kementerian/Jabatan) dan seterusnya POC (Kementerian /Jabatan) akan memaklumkan kepada POC (SPA).

My Profile

Working Experience

Public and Ex-Government Employee



Current Government Employee



| | Start Date | To Date | Name And Address of Employer |
|--|------------|------------|----------------------------------------------------------------|
| | 01/02/2015 | | PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office |
| | 01/02/2015 | 31/01/2016 | PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office |
| | 01/02/2014 | 31/01/2015 | PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office |




| | |
|----------------------------|--------------------------------------------------------------|
| 1. JAWATAN | : PEGAWAI PELAJARAN KANAN |
| KEMENTERIAN/JABATAN | : JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH, KEMENTERIAN PENDIDIKAN |
| BAHAGIAN | : II |
| TANGGAGAJI | : G.15 (\$3,880 - \$4,240 SEBULAN) |
| KEKOSONGAN | : TUJUH BELAS (17) |

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) i) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Pendidikan / Pengurusan / Pentadbiran Awam atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang tersebut adalah kelebihan.

ii) Telah berkhidmat di Kementerian Pendidikan sebagai Pegawai Pelajaran atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji G.14 / G.13 / B.2 EB.3 atau tanggagaji sebanding tidak kurang dari 5 tahun.
- b) Bagi yang tidak mempunyai Ijazah, hendaklah telah berkhidmat di Kementerian Pendidikan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji G.12 / G.11 / B.2 atau tanggagaji sebanding tidak kurang dari 8 tahun.
2. Hendaklah mempunyai Diploma Pendidikan / Sijil Pendidikan / Sijil Perguruan.
3. Berkebolehan dalam mengetuai dan mengurus Bahagian atau Unit-Unit di Jabatan Sekolah-Sekolah.
4. Memimpin, mengurus dan mentadbir sekolah dan berpengalaman dalam mengurus dan mentadbir sekolah dan pernah / sedang bertugas sebagai Pengetua, Timbalan Pengetua / Guru Besar atau Pengurus Sekolah.



5. Berkebolehan dalam membentuk sebarang strategi, standard, pemantauan, piawaian atau aplikasi bagi mencapai objektif dalam usaha untuk mananai dasar-dasar Pendidikan Negara.
6. Berupaya menjadi fasilitator kepada pegawai bawahan dalam apa jua bidang dan tindakan serta boleh bekerja rapat dengan pegawai bawahan demi kemajuan sekolah.
7. Boleh bekerja dengan pangawasan yang minima serta berupaya membuat keputusan sendiri selaras dengan peraturan-peraturan yang sedia ada dalam usaha mentadbir sekolah.
8. Boleh menulis dan bertutur dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan fasih.
9. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Menjalankan tugas sebagai pentadbir sekolah sebagai Pengetua, Guru Besar, Timbalan Pengetua, Penolong Guru Besar atau Pengurus di sekolah dalam meningkatkan profesionalisma pengurusan dan pentadbiran sekolah atau mакtab seperti hal ehwal kurikulum dan kokurikulum, kewangan sekolah, peraturan dan disiplin guru, kakitangan dan pelajar.

ATAU

2. Menjalankan tugas sebagai pengurus di Jabatan Sekolah-Sekolah atau mengetuai Bahagian-Bahagian atau mengetuai cawangan-cawangan daerah pejabat di Jabatan Sekolah-Sekolah di Kementerian Pendidikan berdasarkan kepada tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan oleh Jabatan atau Bahagian-Bahagian masing-masing.